

16/08/2003

Pendirian tegas Malaysia inti pati Kenyataan Ezulwini

Mahfar Ali

EZULWINI (Swaziland): Malaysia berpendapat tidak sepatutnya ada sebarang akses pasaran untuk produk negara maju kecuali produk negara membangun diberi layanan yang sama.

Pendirian tegas itu disuarakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sesi perbincangan berhubung isu perdagangan dan globalisasi pada Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID)-Global 2003 di sini dan dijangka dimasukkan dalam Kenyataan Ezulwini yang akan dikeluarkan pada akhir dialog lima hari itu.

Perdana Menteri menegaskan, sebarang rundingan di Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mesti dijalankan secara demokratik dan apa juga isu baru tidak seharusnya dibawa sehingga agenda yang masih dirundingkan mencapai keputusan memuaskan.

WTO juga mesti bersikap adil serta memberi peluang yang sama untuk semua negara di dunia ini. Selain itu, mana-mana negara tidak boleh memperkenalkan dan melaksanakan halangan bukan tarif tanpa kelulusan rakan dagang.

Perdagangan pula, kata Dr Mahathir, mesti diasingkan sepenuhnya daripada isu bukan perdagangan seperti demokrasi, hak kebebasan manusia dan amalan buruh, yang boleh dibangkitkan pada forum lain.

"Tidak sepatutnya ada persamaan dalam pelaksanaan hak harta intelektual (IPR) antara negara yang berbeza peringkat pembangunannya. Faktor sosial (kesihatan) mesti diberi pertimbangan sewajarnya dalam pelaksanaan IPR," katanya.

Raja Swaziland, Raja Mswati III, sebelum ini mengumumkan Kenyataan Ezulwini akan dikemukakan pada mesyuarat peringkat menteri WTO di Cancun, Mexico, bulan depan, bagi mendesak pertubuhan itu mengambil kira kepentingan negara membangun dalam rundingan baru.

Lebih 600 perwakilan dari 16 negara menyertai SAID-Dialog 2003 yang bermula Rabu lalu. Selain Dr Mahathir dan Raja Mswati III, ketua kerajaan lain yang menghadiri itu ialah Presiden Namibia, Dr Sam Nujoma; Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe; Presiden Botswana Festus G Mogae; Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano; dan Presiden Ghana John A Kufour.

Inisiatif itu digerakkan berikutan kebimbangan kemungkinan mesyuarat WTO selama empat hari bermula 10 September ini, dipengaruhi kuasa besar bagi menggagalkan beberapa keputusan berkaitan isu yang membabitkan negara membangun terutama di benua Afrika.

Menurut laporan, Amerika Syarikat dan Eropah telah pun mengambil pendirian tegas terhadap beberapa isu yang akan dibincangkan pada mesyuarat itu termasuk pengeluaran ubat-ubatan murah bagi membanteras HIV-AIDS di Afrika.

Amerika dan Eropah pada mesyuarat peringkat menteri WTO di Doha sebelum ini, bersetuju membenarkan negara Afrika menghasilkan ubat-ubatan yang amat diperlukan itu, tetapi mengubah pendirian setelah menerima tekanan pelobi farmaseutikal yang begitu berpengaruh.

Kini, kuasa besar itu mendesak Afrika dan negara membangun membeli ubat-ubatan lebih mahal, yang tidak mungkin mampu dipenuhi penduduk Afrika yang amat miskin.

Dalam sektor pertanian pula, Amerika dan Eropah menambah jumlah subsidi kepada petani mereka hingga menyukarkan petani Afrika bersaing secara adil dengan produk yang dikeluarkan kuasa besar itu.